

MALAYSIA BERDEPAN TINDAKAN PERDAGANGAN AS SEKIRANYA LANGGAR SEKSYEN 301

KUALA LUMPUR: Malaysia berdepan kemungkinan dikenakan tindakan perdagangan oleh Amerika Syarikat (AS) sekiranya siasatan di bawah Seksyen 301 mendapati berlaku pelanggaran peraturan perdagangan antarabangsa.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata AS menggunakan Seksyen 122 di bawah Akta Perdagangan negara itu yang membolehkan tarif sementara sebanyak 10 peratus dikenakan.

Menurutnya, langkah berkenaan hanya boleh dilaksanakan dalam tempoh kira-kira lima bulan, sebelum siasatan lanjut dijalankan terhadap hampir 60 negara yang mempunyai lebih dagangan dengan Amerika Syarikat, termasuk Malaysia.

“Siasatan di bawah Seksyen 301 akan meneliti beberapa aspek termasuk kemungkinan lambakan harga eksport, pematuhan piawaian buruh antarabangsa, penjagaan alam sekitar serta pemberian subsidi kerajaan,” katanya.

Beliau berkata antara perkara yang diteliti ialah sama ada sesebuah negara mengeksport produk ke AS pada harga terlalu rendah berbanding harga di pasaran domestik sehingga menjejaskan industri negara itu.

Selain itu, syarikat yang mengeksport ke negara berkenaan juga perlu mematuhi piawaian buruh antarabangsa yang ditetapkan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) termasuk memastikan tiada penggunaan buruh paksa.

"Jadi dia bukan saja menyiasat untuk Malaysia tetapi dia menyiasat kepada 60 negara. Jadi kita sebagai sebuah negara yang nak berdagang dengan AS dan mempunyai nilai eksport RM233 bilion setahun sudah tentu kita kena patuh.

"Jadi mana-mana syarikat kita yang mengeksport ke AS, perlu pastikan dia patuh dengan syarat-syarat itu." ujarnya.

Semalam, Johari memaklumkan Malaysia akan memberi penjelasan kepada AS berhubung dakwaan lebih kapasiti pengeluaran dan penggunaan buruh paksa, yang menjadi antara isu dalam siasatan di bawah Seksyen 301 negara itu.

KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

14 Mac 2026

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.



603-80008000



www.miti.gov.my



webmiti@miti.gov.my



MITI
MALAYSIA



MALAYSIA
MADANI



THIS IS WHERE GLOBAL STARTS